



Kenyataan Akhbar

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PENYAMARAN EMEL PALSU MENGGUNAKAN NAMA AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) berfungsi sebagai Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD). Berikutan pelantikan Akauntan Negara Malaysia sebagai Pendaftar WTD berkuat kuasa pada 1 Jun 1975, pejabat ini telah dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta WTD 1965 meliputi:

- a. pengurusan WTD
- b. pemeriksaan rekod syarikat dan firma
- c. urusan terimaan serahan WTD
- d. pemantauan pewartaan WTD; dan
- e. urusan bayaran balik WTD

Sehubungan dengan itu, JANM ingin memaklumkan bahawa Jabatan ini tidak pernah mengeluarkan emel kepada mana-mana pihak termasuk individu, syarikat atau firma bagi menawarkan perkhidmatan menguruskan WTD.

Jabatan ini amat kesal dengan menyamaran EMEL PALSU yang menggunakan alamat emel che.pee.samsudin@accountant.com bagi menawarkan perkhidmatan untuk menguruskan WTD kepada orang awam.

Susulan daripada itu, JANM telah mengambil tindakan dengan melaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.

JANM juga tidak pernah melantik mana-mana agen bagi tujuan menguruskan WTD bagi pihak empunya.

JANM ingin menasihati orang ramai agar tidak mempercayai emel palsu tersebut dan berhati-hati mengenai perkhidmatan pengurusan WTD yang ditawarkan.

Orang ramai boleh menghubungi JANM atau melayari laman sesawang www.anm.gov.my (<http://www.anm.gov.my>) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai WTD.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

13 Jun 2017

